



Bingkisan Bermakna

*"Saya amat berharap rakyat
Palestin dapat hidup sebagaimana rakyat
Malaysia satu hari nanti"*

Konflik Zionis-Palestin terus menjadi satu pertikaian yang berpanjangan. Pelbagai cara telah dilakukan untuk membantu penyelesaian antara kedua-dua pihak ini yang melibatkan pengiktirafan sebuah negara Palestin yang merdeka dan bebas daripada penindasan.

Namun sehingga kini bayangan penyelesaian tersebut tidak pernah mampu direalisasikan. Setiap masa kita masih disajikan dengan perkhabaran tentang keganasan rejim Zionis terhadap rakyat Palestin.

Tahap keganasan yang disaksikan sepanjang konflik ini terlalu kejam. Kini korban perang yang dilakukan oleh rejim Zionis tidak hanya tertumpu kepada para pejuang tetapi juga melibatkan nyawa orang awam terutama kanak-kanak dan wanita.

Sampai bilakah kita harus berdiam diri dan membiarkan semua kekejaman ini berlaku? Apakah selamanya kita hanya melihat dan mendengar sahaja perkhabaran tentang kemusnahan sebuah negara Islam tanpa melakukan apa-apa tindakan?

Atas dasar inilah maka pada 5 Jun 2010, Pertubuhan Keamanan Global Perdana Malaysia atau The Malaysia Perdana Global Peace Organisation (PGPO) mengambil inisiatif melaksanakan satu misi bantuan ke Gaza.

Ironinya misi yang pada mulanya bertujuan untuk membawa bantuan ke Gaza, ternyata

bertukar menjadi satu perjuangan mempertahankan diri.

Bukan suatu yang mudah apabila nyawa menjadi taruhan. Namun perjuangan harus diteruskan demi memastikan semuanya dapat dilaksanakan seperti yang dirancang. Ketika itu hati tertanya-tanya apakah pengakhiran daripada perjalanan ini.

Sebagai salah seorang yang menyertai misi kemanusiaan ini pada tahun 2010, inilah masanya untuk saya dan rakan-rakan yang lain membuka mata setiap pihak tentang kekejaman yang mungkin selama ini tersembunyi disebalik topeng perdamaian.

Sesungguhnya, ini adalah tugas kita semua dalam memastikan kebangkitan Palestin sebagai sebuah negara mendeka dan bebas daripada ditindas oleh rejim Zionis.

Semoga catatan pengalaman saya ini dapat memberikan gambaran sebenar tentang isu global yang tidak berkesudahan setelah sekian lama.

Sama-samalah kita berdoa agar suatu masa nanti Palestin menjadi sebuah negara yang bukan sahaja merdeka dan bebas tetapi juga membuka mata dunia kepada isu kemanusiaan yang selama ini diperlekehkan.

Ya, perjuangan ini belum selesai. Hanya kita yang mampu mempertahankan kedaulatan sebuah negara yang merdeka dan bebas daripada penindasan rejim Zionis!



Cetusan Idea

"Apabila saya ditawarkan untuk menyertai misi kemanusiaan ke Gaza, saya diibaratkan seperti 'orang mengantuk disorongkan bantal'."

Sebagai seorang ahli parlimen pastinya tugasannya tertumpu kepada isu-isu kemasyarakatan. Setiap kali melihat kesengsaraan orang lain, hatinya pasti akan tersentuh.

Sebaik mungkin saya akan usahakan untuk membantu atau setidak-tidaknya mencari jalan terbaik untuk mengurangkan bebanan mereka.

Oleh sebab itu, apabila saya ditawarkan untuk menyertai misi kemanusiaan ke Gaza, saya

diibaratkan seperti 'orang mengantuk disorongkan bantal'.

Peluang ini tak mungkin saya lepaskan kerana inilah antara perjuangan yang dapat saya lakukan dalam usaha membantu rakyat Palestin.

Selama ini saya hanya melihat kesengsaraan mereka di kaca televisyen dan di dada akhbar. Namun apa yang dilihat rupa-rupanya bukanlah gambaran secara keseluruhan.

Ternyata penderitaan yang dipaparkan di mata dunia hanyalah sebahagian kecil sedangkan realitinya keadaan mereka lebih memilukan.

Secara peribadi saya sudah mengimpikan untuk menjakkan kaki ke Bumi Palestin di mana terletaknya Masjid Al-Aqsa iaitu masjid ketiga tumpuan umat Islam.

Ditambah lagi dengan keinginan untuk melihat sendiri keadaan rakyat Palestin yang selama ini ditindas dan diperangi.

Semua ini menambahkan keterujaan untuk menyahut tawaran ke sana. Biarpun ini hanyalah satu misi menghantar bantuan kepada rakyat Palestin, saya tetap menerima dengan penuh bangga.

Tidak sabar rasanya untuk berjumpa dan menyantuni rakyat Palestin terutama kanak-kanak yang selama ini turut menjadi mangsa kekejaman rejim Zionis.

Walau bagaimanapun di sinilah bermulanya cabaran dan ujian. Pihak pengurusan yang melaksanakan misi kemanusiaan ini menghadapi situasi tertentu yang menyebabkan misi ini terpaksa ditangguhkan.

Tawaran yang diberikan kepada saya juga tiba-tiba sepi tanpa sebarang berita. Seolah-olah tiada tanda-tanda akan dilaksanakan. Saya akui sedikit kecewa kerana impian tidak menjadi kenyataan.

Setelah tiga bulan tanpa apa-apa berita, saya menganggap misi tersebut berkemungkinan ditangguhkan. Saya tahu bukan mudah untuk melaksanakan misi sebegitu.

Apalagi menghadapi rejim Zionis yang pastinya akan melakukan pelbagai cara agar tiada bantuan yang diterima oleh penduduk Palestin.

Saya reda dan percaya ada hikmah yang tersembunyi disebalik setiap kejadian. Saya meneruskan tugas seperti biasa.

Walaupun begitu saya sentiasa berdoa agar misi bantuan tersebut dapat diteruskan. Apa yang saya lakukan ini juga adalah satu jihad biarpun

keinginan untuk menjakkan kaki ke bumi Pelestir masih tertanam di sudut hati.

Suatu hari, ketika saya bertemu semula dengan Dato' Mukhriz, saya ditanya sekali lagi sama ada masih berminat untuk meneruskan misi bantuan ke Gaza.

Saya agak terkejut kerana tidak menyangka tawaran tersebut masih terbuka. Sangka saya misi ini telah dibatalkan.

Dato' Mukhriz memaklumkan bahawa misi ini tidak dibatalkan cuma ditangguhkan sahaja. Tujuannya adalah untuk menguruskan beberapa dokumen penting dan menyediakan kapal yang akan membawa barang-barang bantuan ke Gaza.

Proses pengurusan kapal tersebut iaitu kapal MV Rachel Corrie menyebabkan masa yang diambil untuk melaksanakan misi tersebut agak lama.

Tawaran tersebut kembali memberi harapan baharu kepada saya. Sudah pasti saya menerima dengan gembira. Misi kemanusiaan adalah tanggungjawab semua pihak.

Memang inilah impian saya. Sebagai seorang pencinta keamanan, misi ini adalah laluan untuk saya menjalankan tanggungjawab yang sepatutnya,

Pemergian saya ke sana turut disertai oleh sahabat baik saya iaitu **Ahmad Faizal**. Selain itu, beberapa orang wakil daripada pihak media dan NGO akan turut serta untuk memberikan laporan-laporan terkini. Antaranya ialah **Mohd Jufri Judin**, **Halim Mohamed**, **Shamsul Akmal Musa Kamal** dan **Matthias Chang**.

Satu taklimat diadakan untuk menerangkan tentang tugasan berkaitan misi tersebut. Setelah segala persiapan lengkap dan dokumen disediakan, saya dan rakan-rakan memulakan perjalanan.

Kami berharap bantuan yang dibawa dapat mengurangkan beban rakyat Palestin. Pemergian kami ke sana juga hanya diiringi oleh keluarga dan beberapa orang teman seperjuangan.

Sebaik sahaja pesawat meninggalkan landasan, saya dan rakan-rakan berdoa semuanya akan berjalan lancar. Sebagai wakil negara kami akan pastikan misi ini berjaya serta membanggakan semua pihak.

Saya yakin melaksanakan misi bantuan bukanlah sesuatu yang boleh menimbulkan sebarang masalah atau menghadapi kesukaran.

Tujuan kami hanya satu iaitu memastikan rakyat Palestin dapat menikmati kegembiraan sama seperti rakyat lain.

Perjalanan yang memakan masa beberapa jam ini pasti akan hilang sebaik sahaja dapat menyampaikan bantuan ini kepada rakyat Palestin.

Walau bagaimanapun, kita hanya mampu merancang. Sesuatu yang baik pasti ada halangan untuk kita mencapainya dengan mudah.

Hanya kekuatan jiwa serta semangat kental yang mampu membawa kita terus melangkah dengan tenang.

Begitu jugalah dengan perjalanan saya dan rakan-rakan sebaik sahaja menjejakkan kaki ke destinasi yang pertama iaitu **Kepulauan Cyprus**.



Cabaran Bermula

"Sepatutnya kami hanya transit di Cyprus selama satu atau dua hari sebelum mehaiki Rachel Corrie. Namun kami telah dihalang oleh rejim Zionis."

Hati saya semakin membuka-buka untuk melaksanakan misi tersebut. Setibanya di Kepulauan Cyprus yang terletak kira-kira 113 kilometer di selatan Turki, saya dan rakan-rakan ditempatkan di sebuah hotel.

Kami diberikan taklimat sekali lagi tentang proses misi bantuan. Rancangan diatur sebaik mungkin. Tak sabar rasanya hendak memulakan perjalanan ke Gaza.

Keindahan laut Mediteranean yang terbentang luas tidak mampu menghanyutkan keterujaan kami. Mengikut perbincangan awal persinggahan ini hanya memakan masa satu atau dua hari sahaja sebelum meneruskan misi bantuan ke Gaza, Palestin.

Ternyata apa yang kami jangkakan tidak berjalan seperti yang dirancang. Kenyataannya terlalu banyak rintangan dan cabaran yang akan dilalui.

Perancangan untuk transit sementara di Kepulauan Cyprus kini terpaksa diubah. Ternyata misi bantuan yang akan kami laksanakan telah disalahtafsir oleh pihak rejim Zionis.

Mengikut perancangan, saya dan rakan-rakan akan menaiki kapal MV *Rachel Corrie* yang disediakan khas untuk membawa pelbagai kelengkapan dan bantuan ke Gaza. Ini juga akan

memudahkan sebarang urusan yang berkaitan dengan misi bantuan.

Kami berusaha untuk tidak menimbulkan sebarang keraguan kepada pihak-pihak tertentu. Sementara itu kapal MV Marmara pula akan membawa 600 orang pelancong. Kapal MV Rachel Corrie akan mengiringi kapal MV Marmara dan bergerak bersama-sama Ke Gaza.

Ini sebagai bukti bahawa tujuan kami hanya membawa bantuan barang-barang keperluan dan pelancong. Namun, perancangan ini juga turut tergendala.

Hati saya ketika itu meluap-luap untuk segera bergerak ke Gaza. Bantuan seberat 1500 tan yang akan kami bawa mengandungi pelbagai keperluan makanan, ubat- ubatan, kerusi roda dan beberapa keperluan lain.

Tidak ketinggalan juga kelengkapan alat tulis, buku-buku dan alat mainan yang disediakan bagi anak-anak di Gaza. Sakit hati dan geram antara perasaan yang saya rasakan ketika itu.

Keterujaan bertukar menjadi kemarahan. Misi bantuan tertangguh sehingga dua minggu sedangkan taklimat perjalanan serta surat akujanji telah pun dibuat dan disediakan. Kami tetap tidak dibenarkan keluar daripada kepulauan tersebut.

Bukan setakat itu sahaja, pergerakan saya dan rakan-rakan sepanjang dua minggu juga sentiasa diperhatikan seolah-olah kami ini pesalah dan penganas. Setiap tempat yang kami pergi pasti akan ada mata yang memerhati.

Satu perbincangan telah diadakan untuk mencari jalan keluar yang selamat. Apa yang penting satu usaha perlu dilakukan secepat mungkin agar dapat menghantar bantuan tersebut ke Gaza.

Ternyata semuanya tidak semudah yang disangka kerana kami perlu berhati-hati. Biarpun begitu kami tetap berdoa semuanya akan diselesaikan dengan baik dan perjalanan ke Gaza dapat diteruskan tanpa sekatan.

Dengan izin Allah, saya dan rakan-rakan akhirnya berjaya menemui jalan keluar dari Kepulauan Cyprus dalam masa yang pantas iaitu dengan menaiki **teksi bot**.

Perjalanan 2 jam lebih menuju ke luar perairan antarabangsa Cyprus terasa sangat lama. Degup jantung kami juga turut berdegup laju seiring kelajuan teksi bot yang akan membawa kami ke kapal MV Rachel Corrie.

Dalam keadaan yang mendebarkan dan cemas ditambah pula tiupan angin yang kuat, mata saya tertumpu ke arah sebuah kapal berwarna biru putih di tengah-tengah lautan. Kapal itu seolah-olah

menggamit kami untuk segera naik dan berada di dalamnya.

Tidak saya sangka perjalanan untuk memulakan misi mulia ini semakin dapat direalisasikan. Hati tiba-tiba terasa sebak. Tanpa sedar air mata saya mengalir laju.

Jelas terpampang di hadapan saya ruang dan peluang untuk bertemu rakyat Gaza semakin terbuka luas. Terbayang di mata lambaian dan senyuman mereka yang telah bersiap sedia untuk menerima kehadiran kami di sana nanti.

Sebaik sahaja menghampiri kapal MV Rachel Corrie, kapten cepat-cepat melontarkan tangga. Beliau mengarahkan kami segera menaiki kapal tersebut.

Saya dan rakan-rakan tidak mengambil masa yang lama. Kami bergerak pantas tanpa menoleh ke belakang lagi. Sebaik sahaja menjakkan kaki di

atas kapal, saya dan rakan-rakan terus menzahirkan rasa syukur kerana perjalanan kami dipermudahkan.

Memang tidak dinafikan semasa berada di dalam teksi bot kami masih tidak pasti sama ada cubaan kami untuk menaiki kapal MV Rachel Corrie akan berjaya.

Kini kami berasa lebih yakin dan bersemangat untuk meneruskan amanah yang dipertanggungjawabkan kepada kami. Ketika ini hubungan antara saya dan rakan-rakan seperti sebuah keluarga. Apatah lagi bukan hanya kami sahaja di dalam kapal tersebut.

Seramai 13 orang warga Ireland turut ikut serta. Antaranya ialah mantan Penolong Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Dennis Halliday, pemenang anugerah Nobel Mairead Maguire, Derek dan Jenny Graham daripada Free

Gaza Movement serta penerbit filem dokumentari Fiona Thompson.

Bendera kedua-dua negara iaitu Malaysia dan Ireland dikibarkan separuh tiang sepanjang pelayaran kami ke Gaza. Ini adalah sebagai tanda penghormatan kami terhadap sembilan aktivis pro-Palestin yang ditembak mati oleh tentera rejim Zionis ketika menggempur kapal MV Mavi Marmara.

Berita tentang apa yang terjadi kepada kapal MV Mavi Marmara tidak mematahkan semangat kami dalam meneruskan misi bantuan. Malah apa yang berlaku menjadikan kami lebih nekad dan berjanji akan berusaha membawa bantuan ini hingga ke destinasi.

Perjalanan kami dijangka memakan masa selama tujuh hari. Berada di tengah lautan luas membuatkan saya dan rakan-rakan perlu mengisi

setiap masa yang ada dengan sesuatu yang berfaedah.

Pelbagai aktiviti diadakan sepanjang tempoh tersebut bertujuan mengubati kerisauan yang bersarang di hati kami.

Kami menggunakan masa yang ada untuk memasak, bercerita dan memancing bersama-sama. Sejujurnya apa yang kami lakukan sedikit sebanyak dapat mengurangkan rasa galau dan kerisauan di hati kami.

Pada waktu malam pula, saya dan rakan-rakan akan duduk merenung langit indah yang dipenuhi bintang-bintang berkerlipan.

Berada ditengah-tengah lautan luas membuatkan kami banyak berfikir tentang apakah yang akan terjadi selepas ini. Adakah perjalanan kami ini akan tiba ke destinasi yang sepatutnya?



Laluan Penuh Berliku

"Namun begitu perjalanan kami mula terhalang ketika jarak untuk ke Gaza hanya 35 batu nautika sahaja lagi. Pada jam 3 pagi kami dikejutkan dengan bunyi siren."

Perbincangan tentang pelaksanaan bantuan tetap diteruskan. Laporan terkini keadaan kami di dalam kapal MV Rachel Corrie disalurkan melalui satelit kepada urus setia serta pihak media iaitu TV3.

Malah kami juga sentiasa berhubung untuk memastikan sebarang arahan dan petunjuk yang tepat sebelum kami berlabuh di lokasi yang telah ditentukan.

Semakin menghampiri Gaza, semakin kuat pula debaran di hati. Pelbagai andaian menerpa di minda, baik yang positif maupun yang negatif. Namun saya abaikan semuanya. Saya tidak mahu digugat dengan perasaan bimbang sehingga menghalang pelaksanaan misi ini.

Pada hari keempat perjalanan, kapten kapal mula menerima tekanan daripada pihak rejim Zionis. Beliau diminta untuk menghentikan pelayaran dan berpatah balik.

Jika beliau berdegil, pihak syarikat akan membatalkan insurans kapal MV Rachel Corrie. Ini bermakna sekiranya berlaku sesuatu semasa pelayaran maka pihak insuran tidak akan bertanggungjawab.

Malah mereka juga tidak akan membayar ganti rugi jika berlaku sebarang kemalangan atau

kerosakan. Tekanan ini pastinya menimbulkan rasa bimbang kepada kapten dan kru kapal.

Kami segera menghubungi Dato' Mukhriz serta urus setia untuk memaklumkan tekanan yang diterima oleh pihak kapal Rachel Corrie. Satu tindakan pantas telah dilakukan dengan mendapatkan insurans baharu bagi kapal tersebut. Syukurlah semuanya berjalan lancar.

Hasil perbincangan bersama-sama kapten, beliau bersetuju untuk meneruskan perjalanan ke Gaza. Hanya tinggal tiga hari sahaja lagi untuk kami tiba di sana. Sayang rasanya jika perjalanan ini disia-siakan.

Bantuan yang kami bawa perlu diterima oleh penduduk Gaza. Itu janji kami sejak awal lagi. Apalagi bantuan tersebut hasil kesepakatan rakyat Malaysia.

Kami diamanahkan untuk memastikan bantuan tersebut diterima. Bagi kami, **alang-alang menyeluk pekasam biarlah sampai ke pangkal lengan.**

Ternyata kedegilan kami untuk meneruskan perjalanan tersebut membuatkan pihak rejim Zionis bertindak lebih agresif.

Pada hari ke-6, sudah mula kelihatan dua pesawat pejuang dan pesawat pengangkut berlebar selama 40 minit di ruang udara berhampiran kapal Rachel Corrie yang kami naiki. Kami sudah mula menghidu sesuatu yang di luar jangkaan.

Hari ke-7 perjalanan, saya dan rakan-rakan berhadapan dengan ujian yang lebih berat. Cabaran yang terpaksa kami tempuh seakan-akan menjawab persoalan selama ini. Lautan luas menjadi saksi.

Setelah belayar sejauh 80 batu nautika, kami semakin mendekati Gaza. Namun begitu

perjalanan kami mula terhalang ketika jarak untuk ke Gaza hanya 35 batu nautika sahaja lagi. Pada jam 3 pagi kami dikejutkan dengan bunyi siren.

Kami segera berkumpul di hadapan bendera Malaysia. Kapten memaklumkan bahawa terdapat dua buah kapal sedang mengekori rapat.

Apa yang mengejutkan lagi kapten telah mengenalpasti bahawa kapal tersebut adalah kapal perang rejim Zionis.

Saya dan rakan-rakan hanya terdiam dan terpaku. Kami saling berpandangan. Dari awal kami telah menjangkakan situasi ini pasti akan berlaku.

Sejak kami di Kepulauan Cyprus lagi pihak rejim Zionis berusaha untuk menyekat perjalanan kami ke Gaza.

Malah berkemungkinan juga pihak rejim Zionis akan melakukan apa-apa sahaja jika berjaya menahan kami.

Namun tidak kami sangka secepat itu. Apalagi berhadapan dengan angkatan tentera mereka seolah-olah kami ini adalah musuh perang.

Masih terngiang-ngiang lagi deruan ombak yang menghempas kapal MV Rachel Corrie. Seperti itu jugalah gambaran deruan hati kami ketika itu.

Kami bagaikan berada di dua dunia yang berbeza. Dunia yang menjanjikan perdamaian dan dunia kejam yang penuh dengan penipuan.

Waktu itu kami masih diekori. Dua buah kapal perang Zionis tersebut hanya kelihatan di radar bilik kapten sahaja.

Walaupun diasak dengan dua buah kapal tentera, namun kami masih dapat menghadapinya dengan tenang. Tidak sedikit pun kami takut dan gentar.

Kapten mengarahkan saya dan rakan-rakan untuk bersiap sedia dan menerima sebarang kemungkinan yang akan berlaku.

Ada yang mengemas dan memasukkan barang-barang ke dalam beg, mandi serta menyediakan beberapa peralatan penting.

Saya menganggap ini mungkin ujian yang akan kami lalui. Hanya Allah sahaja yang tahu gejolak hati kami ketika itu.

Sekiranya berlaku sesuatu yang tidak diingini, kami reda. Tiada kata-kata yang mampu diucapkan. Ketika itu belum ada tanda-tanda jelas kami akan diserang seperti yang dialami oleh penumpang kapal MV Mavi Marmara.

Sekiranya itu yang berlaku kami pasti pihak rejim Zionis akan dikritik dan dipersalahkan. Sedikit kegembiraan yang dikecapi kini kembali pudar.

Apakah sampai di sini sahaja perjalanan kami? Adakah kami akan ditangkap atau diantar pulang? Hanya masa yang akan menentukan segalanya.



Pantang Berundur

Sebelum Berjuang

"Kedatangan bot-bot kecil itu umpama 6 ekor kuda yang sedang berlari laju. Terdapat seramai 10 hingga 12 orang tentera Zionis di atas setiap bot kecil tersebut. Kami tidak mampu berbuat apa-apa lagi."

Sekitar jam 6.30 pagi, setelah selesai menunaikan solat subuh, kerlipan lampu dua buah kapal menangkap pandangan mata. Cahaya itu semakin lama semakin hampir.

Saya menarik nafas panjang dan cuba melegakan sedikit perasaan yang kini terasa semakin menyesak dada.

Kami saling berpandangan sambil menunjukkan genggaman tangan dan membuat lingkaran bulatan tanda sepakat dan sebagai isyarat tabah, kuat serta tawakal.

Apa sahaja episod yang bakal berlaku selepas ini akan dilalui dengan tenang. Kami telah bersiap sedia.

Niat kami hanya ingin menghulurkan bantuan kepada masyarakat Gaza. Tidak terdetik sedikit pun untuk menimbulkan perkara yang boleh menimbulkan keraguan sehingga mengundang kehadiran kapal perang tersebut.

Semakin lama cahaya tersebut semakin hampir sehingga jelas terlihat dua buah kapal

perang rejim Zionis. Kapal tersebut mendekati kapal MV Rachel Corrie dari hadapan.

Semakin dekat, semakin kami pasrah. Kami takkan mudah menyerah kalah, **membujur lalu melintang patah**.

Pada masa yang sama dua buah kapal lain yang mengekori kami masih berada di belakang. Ini bermakna terdapat empat buah kapal telah mengepung kapal yang kami naiki dari sebelah kanan dan kiri.

Bukan itu sahaja, sepasukan tentera yang menghalakan meriam dan senjata ke arah kapal MV Rachel Corrie turut berada di bahagian tengah. Ketika itulah kapten kapal dihubungi oleh tentera rejim Zionis.

Kami diarahkan supaya berdiri sambil mengangkat tangan dan meletakkannya di atas

kepala sebagai tanda menyerah. Namun kami semua membantah. Malah kami abaikan arahan tersebut.

Kenapa kami perlu menyerah? Kami bukan tawanan perang. Kami tidak perlu berbuat demikian kerana kami tidak melakukan sebarang kesalahan sehingga perlu ditangkap atau disiasat.

Namun pihak tentera rejim Zionis tetap memaksa kami akur dengan arahan mereka. Kapten kapal dan wakil kami berusaha untuk menjelaskan keadaan yang sebenar.

Beliau berkeras mengatakan kami hanya wakil negara yang menjalankan tugas menyampaikan bantuan kemanusiaan ke Gaza.

Ternyata pihak tentera rejim Zionis tidak mahu mendengar sebarang alasan ataupun penjelasan. Kami dianggap telah melakukan beberapa kesalahan.

Pihak tentera rejim Zionis juga menuduh kami membawa senjata. Kami dianggap menimbulkan ancaman kepada keselamatan negara.

Selain itu, kami juga dikatakan telah menceroboh perairan walaupun pada ketika itu kapal masih berada di luar perairan antarabangsa.

Seribu tuduhan serta helah yang diberikan oleh tentera rejim Zionis. Mereka tidak membenarkan kami meneruskan misi bantuan.

Kami diarahkan supaya berpatah balik dan tidak meneruskan pelayaran ke Gaza. Sudah tentu kami memberontak dan membantah. Mereka berusaha memastikan kami serta kapal MV Rachel Corrie tidak berjaya tiba di Gaza.

Oleh sebab kami tidak mahu mengikut syarat yang ditetapkan, mereka mengambil tindakan memutuskan radar kapal MV Rachel Corrie. Ini

membuatkan kami belayar tanpa panduan dan hanya mampu berlayar perlahan.

Selang beberapa minit kemudian satelit pula diputuskan. Tujuannya supaya kami tidak dapat berhubung dengan urus setia induk dan pihak-pihak lain yang berkepentingan.

Kami tetap tenang biarpun ketika itu tentera rejim Zionis sudah mula menghalakan senjata di sebelah kiri dan kanan kapal MV Rachel Corrie. Malah, tidak ada sedikit pun rasa takut dan gentar.

Tidak lama kemudian muncul pula beberapa buah bot kecil zodiak yang bergerak laju ke arah kapal MV Rachel Corrie.

Kehadiran bot-bot kecil itu umparna 6 ekor kuda yang sedang berlari laju. Terdapat seramai 10 hingga 12 orang tentera Zionis di atas setiap bot kecil tersebut.

Sebaik sahaja berjaya mendekati kapal MV Rachel Corrie, kesemua tentera tersebut terus meluru naik. Kami tidak mampu berbuat apa-apa kerana situasi itu berlaku secara tiba-tiba.

Bukan itu sahaja yang dilakukan malah tentera tersebut turut membawa 2 ekor anjing yang cukup besar dan garang untuk memeriksa kami.

'Ya Allah, salah apakah yang telah kami lakukan sehingga kami dilayan seperti ini? Adakah kami ini ancaman kepada mereka? Atau mereka sebenarnya takut dengan bayang-bayang sendiri?



Bagai Telur Dihujung Tanduk

"Dalam keadaan duduk dan tertunduk, saya hanya mampu berdoa agar keadaan ini segera berlalu. Cuaca yang mulai panas ketika itu menambahkan lagi kegusaran di hati. Saya benar-benar mengharapkan ini hanyalah satu ilusi.

Kini kami dikelilingi oleh berpuluhan-puluhan tentera Zionis bersama-sama 2 ekor anjing yang pastinya akan digunakan nanti. Waktu ini saya memang

berasa takut dan ngeri tetapi bukan kerana takutkan tentera rejim Zionis.

Sejujurnya saya tidak selesa berdekatan dengan anjing-anjing tersebut. Namun saya tidak mampu mengelak. Saya terpaksa menghadapinya dengan berani.

Rakan-rakan dan kru kapal yang lain juga begitu. Terlihat kebimbangan pada wajah masing-masing apabila melihat anjing yang besar dan garang itu mendekati kami.

Kami pasrah dan hanya menanti apabila kedua-dua ekor anjing tersebut mula menjalankan tugas iaitu membuat pengesanan sekiranya kami membawa senjata berbahaya.

Saya memejamkan mata tanpa mahu melihat apa yang berlaku. Tidak sanggup melihat anjing garang yang sedang menjulurkan lidah itu mula menghidu seluruh tubuh.

Dalam keadaan duduk dan tertunduk, saya hanya mampu berdoa agar keadaan ini segera berlalu. Cuaca yang mulai panas ketika itu menambahkan lagi kegusaran di hati. Saya benar-benar mengharapkan ini hanyalah satu ilusi.

Ketika anjing-anjing itu membuat pengesanan, tentera rejim Zionis terus menghalakan senjata laser. Kami tidak dibenarkan bergerak sama sekali. Jika berdegil pasti mereka akan bertindak menggunakan senjata yang ada.

Dalam keadaan tertunduk, saya berusaha melihat disebalik bayang baju. Jika pada waktu itu ada dalam kalangan kami yang melawan, kemungkinan besar kami akan ditembak.

Benet sentiasa menekan kami dari atas. Tidak tergambar sakit dan pedihnya ketika kami dihentak dengan kuat di bahagian kepala.

Pada masa yang sama saya melihat hampir enam puluh orang tentera rejim Zionis berada di atas kapal MV Rachel Corrie. Kapal perang dan zodiak di sebelah kiri dan kanan.

Semuanya menghalakan senjata ke arah kami serta kru kapal MV Rachel Corrie. Beberapa orang tentera rejim Zionis berlari dengan pantas lalu menurunkan serta menarik bendera Malaysia.

Bukan itu sahaja, mereka memijak-mijak dan membuang bendera tersebut seolah-olah gambaran kebencian yang bersarang selama ini. Tindakan mereka itu jelas tidak menghormati negara lain.

Hati saya diserang rasa sakit hati dan geram dengan tindakan tentera rejim Zionis tersebut. Walaupun hanya sehelai bendera namun itu adalah lambang sesebuah negara.

Ternyata sikap tentera rejim Zionis membuktikan siapakah mereka selama ini. Saya

tidak mampu berbuat apa-apa kerana semua di bawah kawalan mereka.

Malah di setiap penjuru terdapat 4 buah kapal tentera rejim Zionis mengelilingi MV Rachel Corrie. Saya dan rakan-rakan diperlakukan seperti tawanan perang.

Semakin lama keadaan semakin mencemaskan. Tentera Zionis mula bertindak kasar dan ganas. Mereka memberi arahan supaya kami mengeluarkan segala dokumen pengenalan diri serta merampas pasport antarabangsa dan beberapa dokumen lain.

Bukan itu sahaja, ketika pasport saya diambil dan dibuka oleh mereka, saya terdengar salah seorang tentera Zionis menyebut '*Malaysia Stupid Mahathir*'.

Setelah itu, mereka terus mencampak pasport saya sambil memandang dengan wajah

penuh kebencian. Keadaan itu membuatkan emosi saya ketika itu membuaak-buaak dengan rasa marah.

Hampir sahaja saya membalas tindakan mereka. Namun memikirkan nyawa dan keselamatan rakan-rakan serta pihak lain, saya cuba bersabar.

Mungkin ini bukan masa yang sesuai untuk membalas perbuatan mereka. Kekejaman yang mereka lakukan ini pasti memakan diri mereka satu hari nanti. Saya berdoa satu masa nanti mereka akan menerima balasan daripada sikap sombang ini.

Masa berlalu tanpa disedari. Tindakan menggeledah mengambil masa hampir 1 jam. Panas terik ketika itu membuatkan kami bermandi peluh.

Apa lagi dalam keadaan duduk sambil diperhatikan oleh tentera rejim Zionis. Tidak sedikit pun ada rasa simpati mereka terhadap kami yang hampir kehilangan tenaga.

Semua dokumen yang kami miliki termasuk yang di dalam beg kecil serta beg pakaian dirampas dan digeledah secukupnya.

Andaian kami mungkin pihak tentera rejim Zionis takut jika kami ada membawa senjata atau barang terlarang di dalam beg tersebut.

Ternyata mereka tidak berjaya menemui sebarang senjata berbahaya. Biarpun begitu mereka tetap tidak berpuas hati. Segala barang-barang kepunyaan kami kemudian dicampak ke satu sudut.

Terdengar jelas di telinga saya, mereka mengeluarkan kata-kata tertentu tentang kami tetapi dalam bahasa yang tidak kami fahami.

Ketika itu saya masih mengharapkan masih ada ruang dan peluang untuk sampai ke Gaza dan berjaya melaksanakan amanah yang diberikan kepada kami.

Terbayang kegembiraan rakyat Palestin yang sedang menunggu kami. Bantuan yang akan diterima tentunya menjadi kekuatan untuk mereka menghadapi kehidupan dengan lebih baik.

Apatah lagi ketika itu tentera rejim Zionis tidak menemui sebarang bukti yang menunjukkan kami membawa barang-barang berbahaya dan boleh memberikan ancaman kepada mereka. Jadi, tiada alasan kukuh untuk mereka menahan kami.

Rupa-rupanya itu hanya sangkaan saya. Ternyata sikap kejam mereka tidak akan berakhir. Apa yang sedang berlaku kini membuatkan saya merasakan impian untuk berlabuh di Gaza tidak akan kesampaian.

Kami kemudiannya dipaksa bangun dan diarahkan untuk berkumpul di dalam sebuah bilik kecil. Di situ lah tempat yang biasanya kami gunakan untuk berbincang dan makan sepanjang pelayaran.

Keadaan bilik yang kecil dengan jumlah kami yang agak ramai sudah tentu membuatkan kami terpaksa berasak-asak.

Sebaik sahaja kami masuk, tentera Zionis terus mengunci pintu serta mengawal dengan ketat di bahagian luar bilik tersebut. Kami tidak tahu apa yang berlaku seterusnya cuma dapat merasakan kapal MV Rachel Corrie bergerak dengan perlahan.

Rupa-rupanya kapal yang kami naiki ini sedang ditunda oleh tentera rejim Zionis tanpa kami tahu ke mana hala tuju tersebut.

Terlintas difikiran mungkin kami akan dibawa ke Israel. Saya mengambil kesempatan untuk melihat dicelah-celah cermin kecil bilik tersebut.

Apa yang saya lihat ialah beberapa orang tentera rejim Zionis berada di luar bilik. Mereka tidak lagi memakai peralatan lengkap tentera.

Sikap dan cara mereka ketika itu tidak lagi menggambarkan sikap tentera yang kejam dan ganas. Ada yang berlari-lari dan bermain-main di atas kapal tersebut seolah-olah berada di padang permainan.

Dari raut wajah mereka saya lihat ada yang masih dalam usia remaja. Mungkin ini peluang untuk mereka berehat daripada tugas. Atau disebabkan bosan dengan tugas sebagai tentera dan berada terlalu lama di atas kapal.

Apapun alasan mereka, situasi tersebut jelas menunjukkan tentera rejim Zionis ini sedang menikmati kegembiraan. Seolah-olah mereka sedang meraikan kejayaan kerana berjaya merampas dan mengurung kami.

Bukan itu sahaja, apa yang penting mereka berjaya menyekat penghantaran bantuan makanan

dan keperluan ke Gaza. Inilah yang mereka inginkan sejak dari awal lagi!

Tak sedar air mata saya mengalir walaupun cuba untuk disembunyikan. Terdengar-dengar tangisan kesedihan rakyat Palestin yang sedang menanti. Bantuan untuk mereka kini dibuang dan dirampas begitu sahaja oleh tentera rejim Zionis.

Saya sedar saya perlu kuat dan menerima keadaan yang berlaku dengan tabah. Biarpun misi kami kali ini mungkin gagal tapi kami pasti akan ada beribu-ribu misi lagi yang akan muncul selepas ini.

Kami juga yakin kegagalan kali ini akan menjadi pembuka kepada kejayaan yang akan datang.

Masa berlalu. Terkurung di dalam bilik kecil yang sempit dan panas membuatkan kami mula rasa tidak selesa. Ada antara kami yang ingin ke tandas

tetapi tidak dibenarkan dan diperlakukan dengan kasar oleh tentera rejim Zionis.

Ada juga yang terlelap dan tersengguk sengguk kerana kepenatan. Perjalanan selama 7 hari memang melelahkan.

Walaupun disaat itu kami kelaparan dan dahaga ditambah pula dengan cuaca yang panas terik, kami tetap bertahan.

Biarpun impian kami untuk sampai ke perairan Gaza mungkin tidak kesampaian, kami tidak patah semangat. Bagi kami biarpun ketika ini kedudukan kami ibarat **telur dihujung tanduk**, kami tetap yakin akan ada jalan penyelesaian. Kami tidak bersalah dan membahayakan sesiapa. Tidak ada sebab kenapa kami perlu dihukum!



Bayang Kekejaman

"Ramai yang menunggu di dataran termasuklah wartawan yang tidak berhenti-henti mengambil foto seolah-olah kami adalah tetamu yang dinantikan selama ini."

Perjalanan ke destinasi yang tidak diketahui semakin menyesakkan dada. Dalam keadaan kami kelaparan dan dahaga serta cuaca panas terik menyebabkan kami semakin lemah.

Ada yang tertidur akibat menahan keletihan yang melampau. Apa lagi memikirkan impian kami untuk sampai ke perairan Gaza mungkin tidak kesampaian.

Sekali lagi air mata saya mengalir laju mengenangkan amanah yang tidak mampu ditunaikan. Kegembiraan rakyat Gaza kini bertukar kepada kesedihan.

Apalah daya kami ketika itu. Pelbagai cara telah kami cuba tetapi tetap tidak mampu melepas halangan daripada pihak rejim Zionis.

Tidak lama kemudian kapal MV Rachel Corrie yang ditunda oleh tentera rejim Zionis mula mendekati dataran Pelabuhan Ashdod. Terdapat ramai orang yang menunggu di dataran.

Para wartawan tidak berhenti-henti mengambil foto seolah-olah kami ini tetamu yang dinanti-nantikan selama ini.

Sebaik sahaja sauh dilabuhkan, kami diminta keluar dari bilik kurungan. Dengan hati yang

berdebar-debar, saya dan rakan-rakan yang lain melangkah keluar.

Dalam keadaan lemah kami terpaksa mengikut setiap arahan yang diberikan oleh mereka. Tidak dapat saya gambarkan perasaan ketika mengetahui bahawa kami kini berada di sebuah negara haram yang tidak pernah termimpi untuk kami dejaki.

Niat di hati untuk ke Gaza tetapi rupanya kami di bawa ke Israel. Saya dan rakan-rakan saling berpandangan. Harapan kami telah musnah sepenuhnya.

Seterusnya kami diarahkan berbaris. Pada masa yang sama tentera rejim Zionis membuka semua kotak-kotak yang mengandungi pelbagai barang seperti makanan, coklat, barang mainan serta alat tulis.

Semua barang dicampak dan disepahkan di atas kapal seolah-olah ianya sampah yang menjijikkan. Tidak cukup dengan perbuatan keji tersebut, kami diarahkan pula berjalan di atas barang-barang yang telah disepahkan tadi.

Tindakan mereka seolah-olah mencemuh tindakan mulia kami dalam menyampaikan amanah kepada anak-anak Gaza. Peristiwa yang berlaku menambahkan lagi rasa panas di hati saya. Sekali lagi saya terpaksa memendamkan sahaja rasa marah tersebut.

Setelah itu saya dan seluruh kru kapal diiringi keluar oleh tentera rejim Zionis. Kami bergerak dalam keadaan penat serta lesu akibat tidak diberikan sebarang makanan.

Biarpun begitu kami kuatkan semangat dalam menghadapi setiap kemungkinan yang mungkin akan

berlaku. Muncung senjata tetap dihalakan ke arah kami.

Agak pelik, ketika kapal MV Rachel Corrie ditahan oleh tentera rejim Zionis sikap mereka sangat agresif dan garang. Namun sebaik sahaja turun daripada kapal MV Rachel Corrie, tingkah laku mereka berubah sama sekali.

Mereka bukan sahaja membantu ketika kami dibawa turun dari kapal malah sanggup mengangkat beg-beg kepunyaan kami. Saya hanya memerhatikan setiap tindak-tanduk mereka.

Benci dan marah dengan sikap pura-pura yang ditunjukkan oleh mereka. Mungkin ini sikap sebenar mereka setiap kali berlaku sebarang konflik yang melibatkan rakyat Palestin.

Ini juga cara yang digunakan untuk menutupi kekejaman serta memanipulasi pihak media. Hal ini

kerana pihak Zionis telah dikutuk oleh media antarabangsa atas tindakan dan layanan yang kasar kepada anak kapal MV Mavi Marmara.

Malah peristiwa yang terjadi ke atas kapal tersebut menimbulkan kemarahan banyak pihak. Tindakan mereka terhadap kapal penumpang MV Mavi Marmara juga dianggap melanggar nilai-nilai kemanusiaan.

Untuk mengelak daripada terus dikecam atas tindakan sedemikian maka pihak rejim Zionis berusaha membuktikan sesuatu yang berbeza.

Kami seolah-olah diberikan keistimewaan ketika turun daripada kapal MV Rachel Corrie. Malah di depan media mereka mempamerkan sikap seolah-olah mengalu-alukan kedatangan kami.

Apa yang ditunjukkan seolah-olah mereka mahu membantu dan tidak pernah menggunakan sebarang kekejaman atau kekasaran.

Sudah terang lagi bersuluh, sikap beginilah menjadi punca kenapa penduduk Palestin tidak pernah lepas daripada cengkaman mereka. Sayangnya saya hanya mampu menyimpan segalanya di sudut hati.

Perkataan ‘welcome’ sentiasa diucapkan sewaktu kami turun dari kapal dan melalui kawasan para petugas media. Tiada wajah bengis dan kata-kata herdikan dihamburkan kepada kami.

Semua tentera yang mengiringi melayan kami dengan penuh hormat. Memang sangat berbeza daripada sikap bengis yang ditunjuk semasa awal serangan dan tangkapan ke atas kami.

Namun, keburukan tidak akan dapat ditutup selama-lamanya. Sikap sebenar mereka kembali terserlah sewaktu saya dan rakan-rakan dibawa ke satu tempat pemeriksaan iaitu di dalam sebuah khemah tertutup.

Disitu saya diperiksa dengan sangat teliti dan dipaksa menanggalkan pakaian. Sudah pasti saya marah dan memberontak. Sedangkan pada ketika itu tiada apa-apa perkara pun yang boleh membahayakan mereka.

Saya tertanya-tanya apakah niat mereka berbuat demikian. Namun siapalah saya di mata mereka ketika itu. Saya dan rakan-rakan yang lain dianggap seperti tawanan yang boleh diperlakukan sesuka hati.

Jika kami tidak mengikut arahan, mereka pasti menggunakan kekerasan. Biarpun saya tidak

berniat untuk mematuhi kehendak mereka tetapi saya tidak mahu mati sia-sia.

Nekad saya semua ini perlu dilalui dan saya perlu hidup untuk menceritakan apa yang terjadi kepada dunia. Biar wajah sebenar rejim Zionis yang selama ini bersembunyi disebalik topeng, dapat didedahkan kepada umum.

Selepas melalui proses pemeriksaan yang ketat, saya diiringi oleh 5 orang tentera ke satu tempat. Di situ telah tersedia ruang untuk menjalankan proses soal siasat.

Ketika itu saya benar-benar dapat merasai keadaan yang selama ini dihadapi oleh rakyat Palestin. Diburu, disiksa serta dinafikan hak mereka sebagai sebuah negara yang merdeka adalah permainan sebenar tentera rejim Zionis.

Dendam dan kebencian rejim Zionis terhadap rakyat Palestin terlalu mendalam. Mereka berbangga dengan kejayaan mereka menyekat sebarang bantuan ke Gaza. Apa yang penting bagi mereka ialah berusaha untuk memastikan rakyat Palestin semakin menderita.

Mengapa begini sekali layanan mereka terhadap orang yang sudah jelas tidak bersalah?



Kekejaman yang Berterusan

"Sepanjang menuju ke tempat yang tidak saya ketahui itu, saya dipaksa melalui satu lorong yang sangat gelap. Oleh kerana terlalu gelap saya terhenti seketika. Akibatnya saya telah dihentak dengan benet tajam oleh tentera Zionis sehingga menyebabkan sakit tulang belakang."

Ternyata penyiksaan tidak berhenti di situ sahaja. Sewaktu proses soal siasat dijalankan saya diherdik dan ditengking menggunakan bahasa yang tidak saya fahami.

Dengan raut wajah yang bengis dan suara yang lantang mereka menanyakan pelbagai soalan. Sudah tentu saya tidak mampu menjawab semua soalan yang tidak saya fahami.

Ketika ini mereka mula melemparkan pelbagai tuduhan yang tidak saya lakukan. Biarpun tidak memahami kata-kata mereka namun perbuatan dan wajah yang dipamerkan jelas menunjukkan maksud yang disampaikan.

Saya hanya terdiam dam memandang dengan pandangan tajam. Geram. Marah dan sakit hati. Perasaan yang memang dari awal lagi saya pendam. Adakalanya mereka menggunakan bahasa Hebrew. Ketika itu perasaan saya seperti diawang-awangan dan sedikit gusar.

Soal siasat tersebut berjalan hampir 3 jam. Terlintas juga di fikiran saya keadaan rakan-rakan yang lain seperti Shamsul Akmar, Ahmad Faizal,

Halim, Jufri dan Matthias Chang. Adakah sama atau sebaliknya?.

Dari awal proses soal siasat kami telah diasingkan. Mungkin ini adalah cara yang digunakan oleh tentera rejim Zionis untuk melunturkan semangat kami. Bagi mereka kami pasti akan mengalah jika berada bersendirian.

Setelah puas mengherdik dan melemparkan kata-kata yang pastinya menyakitkan, mereka melemparkan pula sehelai kertas. Tertulis perkataan yang juga tidak saya fahami.

Dengan suara yang kuat dan kasar mereka menyuruh saya menandatangani kertas tersebut. Tercatat beberapa baris ayat yang pastinya mengandungi maksud tertentu.

Tentera rejim Zionis menunjukkan reaksi seolah-olah menggugut saya. Saya yakin kertas itu

merupakan dokumen yang mungkin akan digunakan untuk memanipulasi kami.

Sebelum ini saya dan rakan-rakan telah bersepakat untuk tidak menurunkan tandatangan jika diberikan apa sahaja dokumen oleh pihak rejim Zionis.

Ternyata keenggananku untuk menandatangani kertas tersebut telah menambahkan lagi kemarahannya. Dengan nada suara yang kuat saya terdengar tentera itu menyebut perkataan 'sel'.

Saya terus tergambar dalam kurungan tahanan di penjara. Satu tempat yang pastinya disediakan untuk pesalah undang-undang. Jika itulah yang ditentukan maka saya telah bersedia. Saya reda.

Apapun yang akan terjadi saya terima. Saya tetap berpegang pada prinsip tidak akan sekali-kali mengikut arahan daripada rejim Zionis.

Biarlah saya dianggap pengkhianat mahupun penjenayah di mata mereka. Namun untuk mengkhianati amanah dan kepercayaan yang diberikan oleh negara, tidak akan saya lakukan sama sekali.

Setelah proses soal siasat selesai, kami dikumpulkan bersama-sama Duta Thailand. Kami dimaklumkan bahawa kerajaan Malaysia telah menghubungi kedutaan Thailand di Tel Aviv untuk membantu membebaskan kami.

Satu rundingan telah diadakan antara kedutaan Thailand dan rejim Zionis. Namun begitu, pihak rejim Zionis menetapkan syarat hanya akan membebaskan kami sekiranya kami menandatangani dokumen persetujuan tersebut.

Sejak awal lagi saya dan rakan-rakan menolak dan tidak bersetuju untuk berbuat demikian. Kami tidak faham kenapa kami perlu

menandatangani dokumen tersebut sedangkan tugas kami hanya sebagai wakil negara dan bukan pengintip atau pengganas.

Sudah terang lagi bersuluh, selama ini beginilah rupanya sikap dan tindakan mereka terhadap rakyat Palestin yang tidak bersalah.

Disebabkan tidak berjaya memaksa saya mengikut kata-kata mereka, saya dibawa pula ke suatu tempat. Sepanjang menuju ke tempat yang tidak saya ketahui itu, saya dibawa melalui satu lorong yang sangat gelap.

Oleh kerana terlalu gelap saya terhenti seketika. Akibatnya saya telah dihentak dengan benet tajam oleh tentera Zionis sehingga menyebabkan sakit tulang belakang. Tidak dapat digambarkan kesakitan yang saya alami ketika itu.

Dalam keadaan saya yang lemah dan tidak bertenaga mereka sanggup melakukan kekerasan seperti itu. Tidak ada sedikit pun rasa kasihan terhadap keadaan saya yang menahan kesakitan ketika itu.

Malah saya ditarik dengan kasar dan dipaksa untuk meneruskan perjalanan. Saya hanya mampu berdoa untuk terus diberikan kekuatan dan kesabaran.

Lorong yang dilalui sangat gelap. Saya tidak mampu melihat keadaan sekitar sehinggalah akhirnya dibawa menaiki sebuah kenderaan Black Maria.

Ketika itu saya terasa diri di awang-awangan. Malah saya juga tertanya-tanya sama ada akan dipenjara, didera atau dibunuh.

Tiba sahaja di kawasan hujung lorong,
sebuah kenderaan Black Maria telah sedia menanti.
Saya ditolak masuk ke dalam kenderaan tersebut
oleh tentera rejim Zionis.

Dalam keadaan lemah ditambah kesakitan
yang dialami saya cuba duduk di dalam kenderaan
tersebut. Sejujurnya saya agak terkedu dan kaku
apabila diperlakukan sedemikian. Ditambah pula
dengan suasana panas dan bau yang meloyakan
ketika berada di dalam kenderaan itu. Tidak dapat
saya gambarkan perasaan ketika itu.

Ketika itu saya lihat sahabat saya Ahmad
Faizal turut berada di dalam kenderaan yang sama.
Mungkin beliau juga telah disoal siasat dan
diperlakukan dengan kasar seperti yang berlaku
kepada saya. Keadaan beliau sangat lemah akibat
tekanan yang diberikan oleh tentera rejim Zionis.

Saya berusaha menenangkannya dan memberikan semangat agar terus tabah berhadapan dengan ujian ini. Saya menjadi lebih kuat kerana sekurang-kurangnya saya tahu keadaan rakan-rakan saya. Setiap apa yang berlaku membuatkan saya benar-benar memahami nasib yang selama ini dialami oleh penduduk Palestin.

Jika dibandingkan dengan apa yang sedang saya lalui sekarang adalah sangat sedikit berbanding dengan apa yang dilalui oleh mereka. Kekejaman tentera Zionis ini bukan setakat menindas malah membunuh, merogol dan memusnahkan kediaman penduduk tersebut.

Setelah beberapa lama berada di dalam kenderaan tersebut, akhirnya perjalanan kami tiba ke destinasi. Saya mula menyedari bahawa kami rupanya dibawa ke pusat tahanan.

Ternyata apa saya bayangkan semasa proses soal siasat benar-benar terjadi. Kami kini dianggap sebagai pesalah yang perlu dipenjarakan.

Saya mula memikirkan tindakan yang mungkin dilakukan oleh tentera Zionis selepas ini. Jika ini adalah perjalanan terakhir, saya pasrah. Saya yakin jika belum sampai ajal saya, perkara itu tidak akan terjadi. Hanya Allah yang berkuasa atas segalanya.

Sebaik sahaja kenderaan berhenti, salah seorang tentera Zionis membuka pintu belakang. Saya dan Ahmad Faizal diarahkan keluar. Suasana malam yang gelap membuatkan kami bertambah sayu.

Ketika itu sayup-sayup terdengar nyanyian lagu Negaraku oleh salah seorang rakan kami. Tak sedar air mata mengalir.

Hal ini jelas menunjukkan betapa tertekannya kami dengan situasi yang berlaku. Saya dan Ahmad Faizal dibawa ke pusat tahanan. Tidak kami sangka rakan-rakan yang lain sudahpun berada di sana.

Salah seorang daripada rakan kami terus sujud syukur menunjukkan rasa lega kerana dapat berkumpul semula. Yang lebih penting kami semua masih bernyawa.

Kami kemudiannya dikurung di dalam bilik tahanan yang bukan sahaja kotor tetapi juga sempit. Bilik yang tertutup membuatkan kami berasa sesak nafas.

Ditambah lagi dengan bau sel yang memualukan menyebabkan saya hampir muntah. Kurungan tersebut ibarat tempat kurungan haiwan.

Sepanjang tempoh tahanan kami diberikan juga makanan dan minuman. Namun kami semua takut untuk menjamahnya kerana bimbang makanan tersebut mengandungi arsenik.

Dalam keadaan begitu kami lebih rela berlapar daripada makan makanan yang diberikan. Saya tidak berhenti-henti berdoa agar penyeksaan ini segera berakhir.

Begitu juga dengan rakan-rakan yang lain. Biarpun kami tidak pasti bila waktunya kami akan dibebaskan dari tirai besi ini, kami tetap yakin ada cara untuk lepas daripada malapetaka ini.

Keesokannya, tentera rejim Zionis bersama-sama wakil daripada kedutaan Thailand memberikan khabar gembira bahawa kami akan dibebaskan.

Mungkin sepanjang kami dikurung pelbagai tindakan dan perbincangan telah dilakukan oleh mereka. Apapun kami semua bersyukur kerana Allah memakbulkan doa kami.

Saya berserta 5 orang rakan dibawa menaiki sebuah bas yang diiringi tentera dan kenderaan perisai Zionis. Mereka memaklumkan kami akan dihantar ke kedutaan di Allenby Bridge, Jordan.

Dalam perjalanan kami dapat melihat padang pasir yang begitu luas dan penempatan penduduk Palestin.

Apa yang saya lihat ketika itu amat menyedihkan. Penempatan penduduk Palestin disekat dengan tembok-tebok yang dibina supaya tiada hubungan antara mereka.

Begitu sekali takutnya rejim Zionis dengan kekuatan rakyat Palestin. Pelbagai cara dilakukan dalam usaha menyekat kebangkitan mereka.

Saya juga dapat melihat kebanyakan penduduk Palestin tinggal di dalam rumah-rumah yang telah dirobohkan. Penempatan itu tak ubah seperti reban ayam. Terlalu daif.

Tidak dapat dibayangkan bagaimana anak-anak mereka dapat membesar dengan baik dalam keadaan begitu.

Ada yang memanggil-manggil sambil merayu-rayu meminta bantuan. Hati saya bagai disayat dengan sembilu. Ketika itu ingatan saya terus mengimbau kembali perjalanan yang bermula dari Kepulauan Cyprus sehingga ke situasi sekarang. Pedih dan sedih melihat keadaan mereka sedangkan kami tidak mampu berbuat apa-apa.

Tanpa sedar, perjalanan kami akhirnya tiba di Allenby Bridge, Jordan atau dikenali dengan nama Jambatan Raja Hussein yang merupakan sempadan Israel-Jordan.

Waktu itu lebih kurang jam 5.20 petang waktu Malaysia. Cahaya cerah bagai meraikan pembebasan kami daripada genggaman rejim Zionis.

Kami disambut oleh para petugas kedutaan Malaysia. Selain itu beberapa orang wartawan antarabangsa turut berada di sana.

Mereka berusaha mendapatkan maklumat tentang apa yang berlaku. Saya mengambil kesempatan ini untuk menghubungi isteri serta keluarga dan memaklumkan keadaan terkini.

Begitu juga dengan rakan-rakan yang lain. Hanya airmata kegembiraan dan rasa syukur yang mampu kami ungkapkan ketika itu. Tidak terbayang

akhirnya kami berjaya keluar daripada kemelut yang berlaku.

Setelah berehat sementara di kedutaan Malaysia, saya dan rakan-rakan berangkat pulang ke Malaysia dengan menaiki penerbangan Royal Jordan. Kami sempat transit di Thailand sebelum tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa KLIA.

Sebaik sahaja menjakkan kaki di sana, saya lihat ramai yang telah menunggu. Antaranya Perdana Menteri, Menteri Luar, Pemimpin masyarakat, keluarga dan rakan taulan. Bagai mimpi rasanya apabila saya dan rakan-rakan dapat kembali semula setelah melalui episod yang penuh mencabar. Esoknya saya terus ke Parlimen Malaysia dan diberikan pengiktirafan di Dewan Rakyat.

Terlalu banyak isu yang ingin saya bawakan berkaitan Palestin. Janji saya adalah untuk

memastikan setiap apa yang berlaku semasa melaksanakan tugas akan diberi perhatian oleh semua pihak.

Malah, saya juga berharap misi bantuan ini akan diteruskan pada masa akan datang biarpun dihalang oleh pihak rejim Zionis.



Hikmah Perjalanan

"Saya tidak mahu berada di Israel. Saya mahu pulang segera! Bukan kerana serik, tetapi kerana tidak sanggup melihat penindasan yang dilakukan oleh rejim Yahudi itu terhadap penduduk Palestin."

Itulah antara kata-kata yang saya ucapkan sebaik sahaja selamat kembali ke Malaysia. Kata-kata ini saya ucapkan bukan kerana serik untuk menyertai misi kemanusiaan, tetapi tidak sanggup melihat penindasan yang dilakukan oleh rejim Zionis terhadap penduduk Palestin.

Apa yang saya dan rakan-rakan alami sepanjang berada di sana menjadi bukti betapa kejam dan rakusnya rejim Zionis dalam usaha

melenyapkan rakyat Palestin dari muka bumi ini. Terlalu banyak penipuan dan laporan yang dimanipulasi.

Sikap dan tindakan mereka terhadap rakyat Palestin yang tidak berperikemanusiaan akan berterusan sehingga mereka berjaya mencapai cita-cita yang diimpikan. Ini antara sebab kenapa kerajaan Malaysia sangat komited dan konsisten membantu umat Islam di Gaza, Palestin.

Pelbagai cara yang telah dilakukan untuk sama-sama mengurangkan penderitaan rakyat Palestin. Namun begitu kesatuan negara-negara Islam juga seharusnya berani dan tegas untuk tidak mengisyihar negara haram Zionis.

Semangat para sukarelawan NGO yang membantu membangunkan Gaza tidak mampu dipatahkan walaupun Zionis tetap dengan kekejaman mereka membedil rakyat Palestin.

Memang bukan mudah untuk kita melaksanakan tugas sebegini. Terlalu banyak cabaran dan rintangan yang perlu dilalui. Apatah lagi rejim Zionis mendapat sokongan daripada negara-negara yang berpengaruh.

Sebagai rakyat Malaysia kita perlulah memperkuuh semangat perpaduan dan patuh kepada perlembagaan. Kita haruslah sentiasa bersyukur berada dalam negara yang merdeka dan berdaulat.

Keharmonian rakyat di negara kita merupakan nikmat yang diberikan oleh Allah untuk sama-sama kita jaga. Murid, mahasiswa dan masyarakat perlu memahami sejarah negara.

Dalam kesempatan ini saya ingin mengucapkan terima kasih kepada yang telah memberikan kerjasama, bantuan dan sokongan dalam membantu Misi Gaza 2010.

Biarpun bantuan serta barang-barang yang disumbangkan oleh rakyat Malaysia tidak berjaya sampai ke destinasi yang sepatutnya namun ia menjadi semangat dan sokongan kepada rakyat Palestin agar terus kuat dalam menghadapi ujian ini.

Peranan PBB, OIC dan umat Islam seluruhnya terus kekal memberi tekanan kepada rejim Zionis dalam memperjuangkan hak asasi manusia kepada negara Palestin. Misi bantuan flotilla ini seharusnya menuju ke Gaza.

Saya berdoa agar umat Islam di bumi Palestin terus tabah, kuat dalam menjaga tanah air serta berjaya mencapai kemenangan.

Kenangan dan perjuangan bersama-sama sukarelawan misi bantuan ke Gaza 2010 akan saya ingati buat selama-lamanya selagi hayat dikandung badan.













**MOHD. NIZAR
ZAKARIA**

Ahli Parlimen Parit



**MATTHIAS
CHANG**

Aktivis



**SHAMSUL AKMAR
MUSA KAMAL**

Aktivis



**AHMAD FAIZAL
AZUMU**

Aktivis



**HALIM
MOHAMED**

Wartawan TV3



JUFRI JUDIN

Jurugambar TV3



A small, square photograph of a woman with dark hair, smiling and holding a small, light-colored dog in her arms.



ПЕРВИМ ПУНКТЫМ ВСЕГДА ЖИМИТЕ



the first time that I have seen a
woman who looks like this here.

Kapal bantuan kemanusiaan itu dijadual tiba di Gaza hari ini

Rachel Corrie putus hubungan

- Kepada Menteri Brachati Cawas dan Subdit Perencanaan dan Pengembangan Daerah (Perplan) yang bertanggungjawab atas pembentukan rencana, mengusulkan pengesahan rencana dalam bentuk peraturan daerah (perda) dan memberikan sanksi.
 - Melaksanakan inspeksi dan penilaian terhadap pelaksanaan rencana, termasuk melaksanakan evaluasi dan koreksi terhadap pelaksanaan rencana.
 - Mengawasi pelaksanaan rencana dan memberikan sanksi bagi pelaku pelanggaran.
 - Pimpangku (Dewan Perwakilan Rakyat Daerah) memiliki wewenang untuk meminta penjelasan dan menuntut pengadilan terhadap tindakan yang dilakukan oleh kepala daerah.
 - Dewan Perwakilan Rakyat (DPR) memiliki wewenang untuk meminta penjelasan dan menuntut pengadilan terhadap tindakan yang dilakukan oleh kepala daerah.
 - Perwakilan PGDN (Subdit Inspektorat Tindak Pidana, pemerintahan dan pengembangan daerah) memiliki wewenang untuk meminta penjelasan dan menuntut pengadilan terhadap tindakan yang dilakukan oleh kepala daerah.
 - Masyarakat pada dasarnya juga memiliki wewenang terhadap tindakan yang dilakukan oleh kepala daerah, meskipun tidak selalu menggunakan wewenang apa pun.




Detik penawanan Rachel Corrie

Gambar diakam dari youtube



1. Kapal Rachel Corrie sebelum ditawan.
2. Tentera Israel menaiki kapal.
3. Kapten kapal meminta penumpang duduk.
4. Tentera Israel bercakap dengan seorang penumpang.



SUKARELAWAN MALAYSIA DI KONVOI KEMANUSIAAN

Kapal Mavi Marmara

- Noorazman Mohd Samsudin (Ketua Misi) (Haluan)
- Dr Arba Shawal (Haluan)
- Mohd Nizam Mohamad (Haluan)
- Ab Halim Mohamed Redzuan (Muslim Care)
- Hasanuddin Mohd Yunus (Aqsa Syarif Berhad)
- Dr S. Muhamad Haleem Hassan (Persatuan Perubatan Islam Malaysia)
- Jamuliddin Elias (Yayasan Amal Malaysia)
- Ashwad Ismail (Astro Awani)
- Samsulkamal Abdul Latip (Astro Awani)
- Al Hami Husain Suhaimi (Gabungan NGO Pulau Pinang)
- Dr. Selamat Aliman (Jamaah Islah Malaysia)
- Mustafa Mansur (Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia)



Kapal Rachel Corrie

- Mohd. Nizar Zakaria (Ahli Parlimen Parit)
- Shamsul Akmar Musa Kamal (PGPO)
- Matthias Chang (PGPO)
- Ahmad Faizal (PGPO)
- Halim Mohamed (TV3)
- Mohd Jufri Judin (TV3)

Kapal Mavi Marmara









